

03/05/1997

Cyberjaya jadi bandar raya unik

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Cyberjaya, yang terletak di tengah kawasan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) bakal menjadi bandar raya teknologi maklumat (IT) paling unik yang pertama di dunia menggabungkan konsep mesra ekonomi dengan kehidupan berasas ilmu.

Berkeluasan 7,000 hektar, perasmian pecah tanah bandar raya Cyberjaya yang pembangunannya setahun lebih awal daripada perancangan, akan dilakukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Mei ini.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Othman Yeop Abdullah, berkata sesuai dengan konsep mesra ekonomi dan kehidupan berasas ilmu itu, Cyberjaya bakal menjadi pencetus pembangunan produk multimedia bertaraf dunia.

"Keunikannya itu mampu melahirkan persekitaran kerja harmonis dan berupaya menarik pelabur terutama yang terbabit dalam multimedia mengembangkan sayap mereka di kawasan ini," katanya di taklimat pecah tanah bandar raya IT itu di sini.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Datuk Zainuddin Muhammad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penggerak Upacara Pelancaran Pecah Tanah.

Cyberjaya terletak bersebelahan bandar raya pintar yang juga bakal menjadi pusat pentadbiran kerajaan, Putrajaya. Kedua-dua bandar raya IT itu dipisahkan lebuh raya yang dinamakan Route 2020. Pembangunan kedua-dua bandar raya itu lebih dikenali sebagai Mega Jaya.

Bandar raya itu akan disediakan kemudahan fizikal termasuk sistem rangkaian telekomunikasi dengan keupayaan penghantaran data di antara 2.5 gigabit sesaat hingga 10 gigabit sesaat, perisian IT tercanggih, perkhidmatan multimedia dan kemudahan moden lain.

"Prasarana itu dijangka siap sepenuhnya pada 1999. Bagaimanapun, syarikat boleh memulakan operasi mereka di Cyberjaya akhir 1998," kata Othman.

Prasarana berupa insentif kewangan lebih kompetitif dan menarik serta undang-undang siber baru menjadi perkara penting dalam model pembentukan masyarakat multimedia juga mampu menarik pelabur dan diberi perhatian dalam pembangunan bandar raya terbabit.

Jika siap sepenuhnya, Cyberjaya bakal mempunyai 240,000 penduduk termasuk 10,000 pekerja profesional dalam pelbagai cabang IT dengan kadar kepadatan penduduk 35 orang bagi setiap hektar.

Sehingga kini, sebanyak 34 syarikat termasuk 19 syarikat luar negara dan 15 syarikat tempatan sudah mendapatkan geran taraf MSC bagi membolehkan mereka memulakan operasi di Cyberjaya.

Syarikat berkenaan termasuk Telekom Malaysia, Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Mimos Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Nippon Telephone & Telegraph (NT&T), Golden Hope Bhd, Sun Microsystems Inc, Fujitsu, Siemens, British Telecoms, Alam Teknokrat Sdn Bhd dan MDC.

Othman berkata, beliau menjangka sebanyak 50 syarikat bertaraf dunia yang terbabit dalam pelbagai kegiatan IT terutama multimedia akan beroperasi di bandar raya berkenaan menjelang tahun 2000.

Mengenai kos memulakan operasi di Cyberjaya, Othman berkata, harga tanah yang ditawarkan kepada pelabur adalah kompetitif iaitu di antara RM30 hingga RM40 sekaki persegi.

Menurutnya, fasa pertama pembangunan Cyberjaya membabitkan zon utama seluas 2,800 hektar untuk membolehkan syarikat antarabangsa dan tempatan

mendirikan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) IT serta bidang perniagaan berteknologi tinggi.

"Seperti mana bandar raya Putrajaya, pembangunan Cyberjaya tidak mengetepikan aspek pemuliharaan alam sekitar yang mana 35 peratus kawasan terbuka akan dikekalkan sebagai kawasan semulajadi berbanding hanya 10 peratus saja yang diperlukan sebelumnya," katanya.

Laporan awal Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk pembangunan Cyberjaya juga sudah mendapat kelulusan. Laporan akhir dijangka mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar 12 Mei ini.

(END)